

Mentransformasikan Sistem Pendidikan Negara

Malaysia sedang berada di ambang negara maju. Dalam tempoh lapan tahun dari sekarang, negara kita akan melalui satu fasa transformasi yang akan menentukan sama ada kita berjaya melangkah ke gerbang negara maju apabila fajar tahun 2020 menyingsing. Dalam era transformasi ini, seluruh minda dan kudrat rakyat perlu digembeng untuk memacu kemajuan negara dalam persekitaran global yang lebih mencabar.

Sepanjang perjalanan kita melalui zaman transformasi, bukan sedikit cabaran yang bakal dihadapi. Bagi para guru, cabaran paling getir adalah untuk melonjakkan kualiti dan ekuiti pendidikan. Tujuannya, yang pertama supaya sistem pendidikan negara kita mampu melahirkan insan yang berupaya memacu kemajuan pesat negara dan mengisi keperluan sebuah masyarakat maju. Yang kedua, supaya setiap murid di negara kita tanpa mengira kaum, agama, wilayah, dan status sosial berpeluang untuk mengecap nikmat pendidikan yang berkualiti secara adil dan saksama.

Usaha Mentransformasikan Sistem Pendidikan

Kerajaan memberikan tumpuan utama kepada usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara secara menyeluruh. Hal ini kerana kita tahu bahawa menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk rakyat merupakan wadah untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif, dan berdaya saing. Modal insan inilah yang akan memacu kemajuan negara ke tahap yang lebih tinggi. Di pundak merekalah letaknya harapan kita untuk melihat kemajuan dan pembangunan negara dijana dengan lebih pesat dan mapan, demi kesejahteraan dan kemakmuran masa hadapan kita bersama.

Usaha untuk mentransformasikan kualiti pendidikan negara telah dimulakan. Sejak tiga tahun yang lalu, pihak kerajaan telah melaksanakan empat inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi sektor pendidikan, yang bertujuan untuk memperluas akses kepada pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan.

"Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit, kita perlu mentransformasikan sistem dan amalan pendidikan di negara kita. Kualiti guru perlu dimantapkan, mutu kepimpinan sekolah perlu ditingkatkan, kurikulum dan sistem pentaksiran perlu diperkemas, prasarana sekolah perlu ditambahbaik, sumber dan sistem penyampaian pendidikan perlu diurus dengan lebih cekap."

Dalam tempoh yang singkat, kadar penyertaan murid prasekolah berjaya ditingkatkan, sasaran penguasaan literasi dan numerasi murid mampu dicapai, bilangan sekolah berprestasi tinggi semakin bertambah. Selama lebih lima dekad berada di persada pendidikan negara, guru telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada kemajuan dan pembangunan pendidikan di negara kita. Berkat sentuhan para gurulah, lahirnya insan yang terdidik dengan ilmu dan adab, yang kini berada pada setiap lapangan ekonomi, sosial, budaya, dan pendidikan untuk menggerakkan kemajuan bangsa dan negara. Kejayaan

negara kita beralih daripada sebuah negara yang berasaskan pertanian kepada sebuah negara perindustrian yang pesat berkembang, sebahagian besarnya adalah kerana jasa dan bakti para guru. Oleh hal yang demikian, tidak ada sesiapa pun yang boleh memandang rendah terhadap peranan dan sumbangan para guru terhadap kemajuan yang dicapai oleh negara kita pada hari ini.

Dalam kita menghargai segala jasa guru, kerajaan tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian sedia ada. Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit, kita perlu mentransformasikan sistem dan amalan pendidikan di negara kita. Kualiti guru perlu dimantapkan, mutu kepimpinan

sekolah perlu ditingkatkan, kurikulum dan sistem pentaksiran perlu diperkemas, prasarana sekolah perlu ditambahbaik, sumber dan sistem penyampaian pendidikan perlu diurus dengan lebih cekap. Pendek kata, keseluruhan sistem pendidikan kita perlu disemak dan dimantapkan kualitinya secara bersepadu.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memulakan proses Kajian Semula Pendidikan Negara. Satu laporan awal yang akan dikemukakan untuk melihat Unjuran Keperluan Bekalan serta Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana yang telah pun disediakan oleh kumpulan pakar daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kementerian juga telah

memulakan proses kajian untuk mendapatkan pandangan dan saranan daripada seluruh warga pendidik tentang cara memperbaiki dan mempertingkatkan keperluan unjuran guru dan jawatankuasa pelaksana di KPM bagi meningkatkan mutu dan tahap pendidikan negara agar setanding dengan negara maju.

"Bagi menangani isu beban tugas guru, semua Jabatan Pelajaran Negeri telah melaksanakan pemansuhan ujian dan peperiksaan setara serta menambahbaikkan pengendalian ujian dan peperiksaan di peringkat sekolah. Oleh sebab itu, pada tahun ini hanya satu peperiksaan setara sahaja dibenarkan."



Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hassan menerima cenderamata daripada Profesor Dato' Dr. Kamaruddin Kachar sempena Persidangan Perdana Mentransformasikan Sistem Pendidikan Negara yang bertemakan "Kompetensi dan Profesionalisme Keguruan".

Education - General

P. 28 - 30

CTR No: 0000 273135.

Usaha memartabatkan profesion perguruan di sekolah tidak akan tercapai tanpa guru yang berkualiti. Oleh sebab itu, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti guru melalui sokongan dasar, latihan, dan insentif. Dalam hubungannya ini, KPM komited untuk mencapai sasaran 60 peratus guru siswazah di sekolah rendah dan 90 peratus guru siswazah di sekolah menengah menjelang tahun 2015. Sehingga kini, program pensiswazahan guru telah berjalan lancar dengan 69.6 peratus daripada 66,124 guru yang disasarkan telah menerima tawaran mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi.

Keperihatinan Kerajaan

Biarpun mengharap dedikasi guru yang tidak terhingga dalam mendidik anak bangsa, kerajaan tetap mengambil perhatian serius terhadap keluhan guru yang terbebani dengan pelbagai tugas dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan organisasi sekolah. Oleh sebab itu, para pendidik yang dilantik sebagai konsultan berusaha menyelesaikan masalah tersebut di samping membuat semula Unjuran Keperluan dan Bekalan serta Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru dan Kumpulan Pelaksana.

Selain itu, KPM juga sedang menjalankan kajian rintis

bagi penetapan Pembantu Tadbir N17 sehingga Jun 2012 untuk melihat impak penempatan Pembantu Tadbir bagi mengurangkan beban tugas perkeranian guru. Seterusnya satu cadangan akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bagi penempatan Pembantu Tadbir N17 di sekolah di bawah KPM. Bagi menangani isu beban tugas guru, semua Jabatan Pelajaran Negeri telah melaksanakan pemansuhan ujian dan peperiksaan setara serta menambabhaikkan pengendalian ujian dan peperiksaan di peringkat sekolah. Oleh sebab itu, pada tahun ini hanya satu peperiksaan setara sahaja dibenarkan.

Pemansuhan sepenuhnya ujian dan peperiksaan setara akan dikuatkuasakan mulai tahun 2013, semua ujian akan diadakan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran melalui Penilaian Berasaskan Sekolah atau PBS.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menambabhaikkan Skim Perkhidmatan Pendidikan, peruntukan tempoh minimum kenaikan pangkat secara *Time-Based* berasaskan kecemerlangan dikekalkan. Bagi melaksanakan semua urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, kerajaan telah memperuntukkan 934 juta ringgit yang membuktikan kesungguhan kerajaan memberikan pengiktirafan kepada usaha

para guru dalam membentuk modal insan yang berpersonaliti unggul.

Oleh hal yang demikian, diharapkan agar peluang kenaikan pangkat ini akan memberikan semangat dan dorongan kepada semua guru untuk meningkatkan prestasi. Kerajaan juga berharap agar guru akan dapat mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan murid yang berdaya saing, berakhlak mulia, dan bersemangat waja. Para guru perlu sentiasa memelihara kemuliaan akhlak dan ketinggian budi pekerti supaya guru terus dihormati dan menjadi suri teladan kepada murid dan masyarakat.

Untuk memastikan ilmu pengetahuan dapat diterima dengan sebaiknya oleh murid, para guru bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi bertindak sebagai *mu rabbi* yang berperanan mendidik rohani, jasmani, akal, dan emosi murid supaya mereka dapat menghayati dan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Maka, guru menggagas amanah yang amat mulia dalam memperbaharui dan memperbaiki kehidupan manusia. Tajdid pendidikan akan terhasil apabila guru dapat membangun jiwa, membina akal, dan membentuk akhlak manusia dengan asuhan ilmu dan adab yang mulia. P¹³

Makalah ini disesuaikan daripada ucapan
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hassan,
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus,

sempena Persidangan Perdana Mentransformasikan Sistem Pendidikan Negara 2013
di Kelana Resort, Seremban, Negeri Sembilan, pada 23 April 2013.